

Konsep istilah 'Melayu'

Yang Indah Itu Bahasa

Bersama
Dr Nik Safiah Karim



KITA selalu menggunakan istilah 'bahasa Melayu' dan 'orang/bangsa Melayu'. Tahukah kita apa maksud istilah 'Melayu' ini, dan bagaimanakah asal usulnya? Dalam ruangan ini pada kali ini, akan diuraikan dengan serba ringkas istilah 'Melayu' ini.

Dari segi akademik, perkataan dan konsep 'Melayu' ini meliputi ruang yang luas dan tempoh masa yang panjang. Banyak penyelidik dan pengkaji menge-mukakan pelbagai pandangan tentang istilah ini dan pengertian yang dibawa olehnya.

Pada peringkat awal sejarah, istilah ini dikaitkan dengan konsep kerajaan. Bukti sejarah menunjukkan bahawa perkataan Melayu, pada masa dahulu, merujuk kerajaan atau kawasan, dan tidak manusia atau bangsa.

Sebagai contoh, dalam sebuah kitab Hindu purba yang bernama 'Purana', yang ditulis sebelum zaman Gautama Buddha sehingga tahun 500M, telah ditemui istilah 'Malaya dvipa'. 'Dvipa' bermaksud tanah yang dikelilingi air.

Dalam buku tersebut, dijelaskan bahawa 'dvipa' ini mengandungi banyak lombong batu yang berharga. Berdasarkan buku ini, para pengkaji beranggapan bahawa 'Malaya dvipa' yang dimaksudkan ialah Pulau Sumatera. Di sini 'Malaya dvipa', iaitu nama awal bagi 'Melayu' merujuk kawasan Sumatera.

Istilah 'Melayu' juga terdapat dalam buku catatan perjalanan pengembara Cina pada zaman Dinasti T' sang, yang dipercayai ditulis pada sekitar tahun 644-645. Dalam buku itu, ada dicatatkan istilah 'Mo-lo-yu'. Telah dicatatkan bahawa pada suatu masa dahulu terdapat utusan dari 'Mo-lo-yu' dihantar ke negeri China.

Para pengkaji sepandpat bahawa 'Mo-lo-yu' yang dimaksudkan ialah kerajaan yang terletak di Jambi, iaitu

di selatan Pulau Sumatera dan Sriwijaya yang terletak di daerah Palembang. Dalam hal ini, 'Mo-lo-yu' (atau Melayu) masih merujuk kerajaan atau kawasan.

Bukti yang ketiga yang mengaitkan istilah 'Melayu' dengan kerajaan atau kawasan ialah melalui catatan I' tsing, seorang rahib Buddha.

Dalam perjalanan beliau dari Canton (negeri China) ke India, beliau singgah di Bhoga. Kemudian beliau telah dihantar oleh Raja Bhoga ke negeri 'Mo-lo-yu' yang pada masa itu disebut Sribhoga.

Diperdayai bahawa I'tsing telah mengubah nama 'Mo-lo-yu' kepada Bhoga dan Sribhoga (mengikut pelat sebutannya dan sistem tulisan bahasa Cina), dan dipercayai juga bahawa Sribhoga ialah Palembang, ibu negeri Sriwijaya, dan Bhoga itu tanah jajahan takluk Sriwijaya, termasuk 'Mo-lo-yu'.

Daripada penjelasan ini, kelihatan bahawa istilah 'Mo-lo-yu' (atau Bhoga/Sribhoga) digunakan untuk merujuk kawasan atau kerajaan. Konsep Melayu sebagai bahasa masih belum timbul pada peringkat ini.

Mengikut catatan I'tsing lagi, terdapat sejenis bahasa yang dituturkan di Sriwijaya pada waktu itu, bernama 'K'un-lun'. Bahasa 'K'un-lun' ini bukan sahaja dituturkan oleh penduduk tempatan tetapi juga dipelajari oleh orang asing untuk memudahkan mereka berkomunikasi. Dipercayai bahawa bahasa 'K'un-lun' ini ialah bentuk bahasa Melayu tua yang terawal, yang dikenali juga dengan nama bahasa Melayu kuno.

Di samping itu, istilah 'K'un-lun' juga digunakan untuk merujuk hamba abdi yang digunakan di negeri China.

Hamba abdi ini dikatakan berasal dari sebuah pulau yang terletak di selatan China, iaitu Pulau Kundur.

'K'un-lun' sebenarnya ialah sebutan pelat pengembara Cina untuk Pulau Kundur.

Di sini kita melihat perubahan pada pengertian atau konsep 'Melayu' (tua). Kini, dalam konteks sebuah pulau (Pulau Kundur) dan penduduk asalnya (hamba abdi yang bekerja di China), istilah itu merujuk tempat dan juga bangsa. Dengan kata lain, 'K'un-lun' ialah Pulau Kundur dan juga bahasa yang dituturkan oleh penduduk asal pulau tersebut.

Secara khusus, istilah Melayu yang benar-benar merujuk nama bangsa dan bahasa wujud setelah wujud kerajaan Melaka, yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah kerajaan agung.

Berdasarkan teks-teks yang ada hubungan dengan Melaka, istilah 'Melayu' merujuk keturunan yang 'berbangsa' dan 'berasal'. Dengan kata lain, 'Melayu' membawa pengertian keturunan raja-raja Melayu dari Sumatera. Di sini, konsep asas ialah manusia dari satu kawasan tertentu, walaupun konsep bahasa kelompok manusia ada tersirat.

Lama kelamaan, bermula pada abad ke-17, penggunaan istilah 'Melayu' mula digunakan dalam konteks bangsa. Pada ketika itu, 'Melayu' merangkumi suku bangsa serumpun di Nusantara. Pada abad ke-17, seorang pengkaji bernama Colin telah mengusulkan bahawa suku bangsa Tagalog berasal daripada bangsa Melayu.

Pengesahan terakhir datangnya daripada Unesco, badan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 1972, Unesco telah memberikan pengertian kepada konsep 'Melayu' yang menjadi pegangan hingga ke hari ini.

Istilah Melayu digunakan untuk merujuk suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagaskar.

Berita Harian, 29 April 2002 - Ihsan : Md Rahim Yahaya